



## KENYATAAN MEDIA

### **PERBINCANGAN YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA KETUA-KETUA DAN WAKIL -WAKIL BADAN AGAMA BAGI MEMBINCANGKAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

---

Putrajaya, 16 Mei 2020 - YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique telah mengadakan perbincangan atas talian bersama dua belas (12) ketua-ketua dan wakil-wakil badan agama bagi membincangkan pembukaan rumah ibadat semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Mesyuarat ini turut disertai oleh pegawai-pegawai kesihatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Ketua-ketua dan wakil-wakil agama yang hadir pada mesyuarat hari ini mewakili pelbagai agama seperti Buddha, Kristian, Hindu, Tao dan Sikh. Senarai badan agama yang menyertai mesyuarat adalah seperti berikut:
  - i. Christian Federation of Malaysia
  - ii. Malaysia Gurdwara Council
  - iii. Malaysian Buddhist Association
  - iv. Young Buddhist Association of Malaysia
  - v. Federation of Taoist Association Malaysia
  - vi. Malaysia Christian Youth Association of Malaysia



- vii. Fo Guang Shan Malaysia, Singapore, Thailand and Indonesia
  - viii. National Evangelical Christian Fellowship Malaysia
  - ix. Malaysia Hindu Sanggam
  - x. Buddhist Missionaries Malaysia Society
  - xi. Council of Churches of Malaysia
3. Kesemua wakil yang hadir secara amnya membincangkan cadangan SOP yang telah dibangunkan oleh KPN bersama KKM dan akan mengemukakan maklum balas serta cadangan senarai rumah ibadat terpilih dalam kawasan Zon Hijau kepada pihak KPN pada 18 Mei 2020.
4. Satu mesyuarat susulan juga akan diadakan pada 18 Mei 2020 bagi memuktamadkan SOP ini yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN.
5. Seterusnya YB Menteri Perpaduan Negara akan membentangkan senarai rumah ibadat yang telah dicadangkan dalam Zon Hijau dan SOP untuk mendapat persetujuan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 19 Mei 2020. Pengumuman seterusnya akan dibuat oleh YB Menteri Kanan Kluster Keselamatan.

**Kementerian Perpaduan Negara**

16 Mei 2020

**-TAMAT-**



***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8241

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (2)